


MECD: LPKP/20/S/656/1 Jld. 2( 36 )



**KERAJAAN MALAYSIA**



**LPKP**

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN  
KENDERAAN PERDAGANGAN  
BIL. 9 TAHUN 2008**

---

**PENDAFTARAN EJEN TIKET DAN TIKET BAS EKSPRES**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN  
SEMENANJUNG MALAYSIA**

**TARIKH : 12 NOVEMBER 2008**

## **PEKELILING LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN BIL. 9 TAHUN 2008**

Semua Pengusaha/Persatuan Bas Ekspres  
Semenanjung Malaysia.

### **PENDAFTARAN EJEN TIKET DAN TIKET BAS EKSPRES**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan peraturan yang menghendaki semua pengusaha bas ekspres mendaftarkan ejen tiket dan tiket bas ekspres.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Mesyuarat Lembaga LPKP Bil. 14 Tahun 2008 bertarikh 2 Julai 2008 memutuskan agar semua syarikat bas ekspres mendaftarkan ejen tiket mereka dan juga tiket bas. Arahan tersebut bertujuan supaya semua ejen tiket menjalankan tugas mereka secara bertanggungjawab dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

3. Selaras dengan peruntukan Seksyen 19 dan 39 Akta LPKP 1987, semua syarikat bas ekspres dikehendaki mendaftarkan ejen tiket dan tiket bas ekspres sebagai langkah penambahbaikan perkhidmatannya kepada pengguna.

4. Syarikat bas ekspres hendaklah mendaftarkan ejen tiket dan tiket bas ekspres mereka di LPKP Wilayah masing-masing. Tiada bayaran dikenakan bagi pendaftaran tersebut.

#### **PERATURAN BAGI MENDAFTARKAN EJEN TIKET DAN TIKET BAS EKSPRES**

##### **5. (i) Pendaftaran Ejen Tiket**

Buat permulaan, pendaftaran dilakukan secara manual mengikut format di **Lampiran A**. Syarikat bas (pelesen) hendaklah mengemaskini dan mendaftarkan ejen baru setiap kali berlaku pertukaran ejen.

##### **(ii) Pendaftaran Tiket**

Pengusaha bas ekspres hendaklah mendaftarkan dan menggunakan satu bentuk tiket yang seragam bagi syarikatnya. Satu contoh tiket hendaklah dikemukakan kepada LPKP Wilayah. Semua tiket hendaklah mengandungi maklumat berikut:

- Nama syarikat bas ekspres dan/atau nama jenama
- Nama atau no. kod ejen tiket atau nama pengeluar tiket
- Kadar tambang dan laluan
- Tarikh, masa perjalanan dan terminal
- No. tel. khidmat pelanggan

### TEMPOH PERSEDIAAN

6. Pengusaha bas ekspres diberikan masa sehingga **15 Februari 2009** untuk membuat persediaan bagi mendaftarkan ejen tiket dan tiket.

### TARIKH KUAT KUASA

7. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“KEUSAHAWANAN KERJAYA PILIHAN”**



**(NAIMAH BT. RAMLI)**  
 Pengarah  
 Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan  
 Semenanjung Malaysia  
 Kementerian Pembangunan Usahawan.

12 November 2008

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan  
 Ibu Pejabat.

### Edaran Dalaman:

KSU

Pengerusi LPKP

TKSU (P)

Pengarah (LPKP) Wilayah Tengah

Pengarah (LPKP) Wilayah Timur

Pengarah (LPKP) Wilayah Utara

Pengarah (LPKP) Wilayah Selatan

KPP (LPKP) 2

KPP (LPKP) 3

} Sila tampal pekeliling ini pada papan kenyataan di pejabat LPKP Wilayah.

**PENDAFTARAN EJEN TIKET BAS EKSPRES**

1. Nama Syarikat:.....
2. Alamat:.....  
.....
3. No. Telefon dan Faks:.....

4. **SENARAI EJEN**

Bil.	No. Kod	Nama>Nama Syarikat	Alamat dan No. Tel

5. Nama Pelapor:.....
6. Jawatan:.....
7. Tanda Tangan:.....
- 8.. Tarikh:.....

-----  
**COP SYARIKAT**

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT LPKP WILAYAH**

Diperakukan oleh:

Nama Pegawai:.....Tanda Tangan:.....

Tarikh:.....

Cop Rasmi: